

NAMA : TINGKATAN :

Fokus KBAT

☞ Cara Merangka Jawapan KBAT



Perhatikan gambar. Huraikan bagaimana tindakan anda jika bertemu dengan golongan di atas ketika bersiar-siar di kawasan perumahan anda.

Langkah 1

Kenal pasti kehendak soalan sama ada:

1. Sebab atau faktor berlaku
2. Kesan atau akibat
3. Perkara yang akan berlaku
4. Tindakan atau langkah anda

1 Cetusan Idea Utama (Isi)

Jika saya bertemu dengan peminta sedekah atau pengemis, saya akan:
Memberi bantuan kewangan

Langkah 2

Manfaatkan peta i-Think untuk mencambah idea.

2 Huraian

(supaya/ agar/ untuk/ kerana) supaya dapat mengurangkan beban mereka

3 Huraian Lanjutan

(sebab/ akibat dan kesan/ contoh/ hujah sokongan/ peribahasa) sangat dianjurkan dan dituntut dalam Islam

4 Kesimpulan

(Justeru, kesimpulannya - cadangan/harapan) Pihak berwajib perlu memainkan peranan untuk membantu mereka dengan memberikan pekerjaan tetap kepada mereka

Langkah 3

Tulis semula kesemua isi, huraian, huraian lengkap dan kesimpulan dalam satu perenggan

Jawapan Lengkap

Saya akan memberi bantuan kewangan (1m) supaya dapat mengurangkan beban mereka (1m). Hal ini sangat dianjurkan dan dituntut dalam Islam (1m). Kesimpulannya, pihak berwajib perlu memainkan peranan untuk membantu dengan memberikan pekerjaan tetap kepada mereka agar kehidupan lebih terjamin (1m).

BIDANG HADIS

Terdapat segelintir golongan dalam masyarakat Islam hari ini menolak hadis sebagai sumber rujukan.

- 4 Berdasarkan pernyataan di atas, ramalkan keadaan umat Islam pada masa hadapan sekiranya perkara di atas tidak dibendung. **KBAT** Menganalisis

[4 markah]

IKHLAS KERANA ALLAH

- 5 Berdasarkan ayat di atas, bagaimanakah anda memelihara diri anda daripada termasuk dalam golongan di atas? **KBAT** Mengaplikasi

[4 markah]

Umat Islam wajib berusaha untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam dengan menguasai pelbagai bidang ilmu.

- 6 Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mengaplikasikan konsep jihad ilmu untuk merealisasikan pernyataan di atas? Berikan hujah anda. **KBAT** Mengaplikasi

[4 markah]

FOKUS KBAT

Stimulus soalan KBAT boleh berbentuk gambar rajah, jadual atau statistik, pernyataan, potongan ayat Al-Quran atau hadis, slogan atau moto dan sebagainya.